

Ahli Parlimen terlalu mudah 'dibeli'?

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tun Dr. Mahathir Mohamad menganggap ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat sebelum ini sudah menjadi terlalu mudah untuk 'dibeli' sehingga membelakangi keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

Bekas Perdana Menteri itu berpendapat, kerajaan bukan lagi dipilih oleh rakyat sebaliknya menganggap kerajaan kini boleh dibentuk dengan hanya menggunakan sogokan wang.

"Saya khawatir sangat berkenaan dengan rasuah. Kerajaan boleh dibeli oleh sesiapa yang ada duit. Di Sabah, bayar seorang RM5 juta, dia keluar dari parti dan kerajaan hampir jatuh.

"Kalau kita boleh beli kerajaan, kita tidak akan dapat pilih kerajaan. Pada PRU-14, kita pilih kerajaan tetapi oleh kerana cara-cara lain, mereka buat kerajaan pintu belakang. Ini tak ada dalam Perlembagaan. Walaupun tak salah tapi ini bukan cara kita bentuk kerajaan, kita patut ada pilihan raya dan kita hormati," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

menyampaikan pandangannya dalam program Bicara Negarawan berjudul *Masa Depan Malaysia: Ke Mana Kita* anjuran Majlis Profesor Negara.

Pada masa sama, Mahathir berpandangan semua ahli Parlimen perlu menghormati mandat yang diberikan oleh rakyat,

bukannya menjatuhkan kerajaan ketika tempoh pentadbiran berlangsung.

"Macam Presiden Amerika Syarikat sebelum ini Donald Trump, dia dipilih oleh rakyat dan dia penuh empat tahun penggal, tapi kita di sini bila kita pilih kerajaan, sudah tubuh kerajaan dan tengah berjalan, ada orang main dari belakang dan pujuk orang ini sertai pembangkang.

"Yang kalah jadi kerajaan, yang menang jadi pembangkang. Ini tak harus berlaku. Ini bermakna kita tak hormati undi rakyat," katanya.



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD